

Headline	'Menggeletar terima kunci'		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	12 May 2019	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	NEWS	Page No	21
ArticleSize	363 cm <sup>2</sup>	Journalist	NORMAWATI
PR Value	RM 11,734		



# 'Menggeletar terima kunci'

**12 keluarga terpilih terima bantuan rumah projek Baiti Jannati TNB**

NORMAWATI ADNAN

TAPAH

**"S**aya rasa macam mimpi, tangan saya menggeletar ketika menerima replika kunci ini," kata **Mohammed Sulaiman Abd Muthalif**, 48, seorang penerima bantuan rumah di bawah Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB), tahun ini.

Mohammed Sulaiman

dari Teluk Intan mengakui, perasaannya berbau antara gembira dan terharu selepas berpuluh tahun menanti bantuan rumah.

Menurutnya, rumah yang didiami bersama isteri dan seorang anak sekarang sudah terlalu uzur dan sering mengalami kerosakan terutama bahagian bumbung

"Rumah itu pun saya bina sendiri sedikit demi sedikit, tentulah tak sempurna seperti rumah orang lain. Dengan gaji bekerja sambil di ladang kelapa sawit, saya tak mampu menyediakan rumah sendiri.

"Permohonan sudah banyak kali dibuat, tetapi tak pernah dapat. Alhamdulillah, tahun ini ALLAH berikan rezeki. Terima kasih kepada TNB kerana merealisasikan hasrat



MOHAMMED SULAIMAN

kami," katanya.

Seorang lagi penerima, **Zuraidah Ibrahim**, 43, menganggap bantuan rumah diterima itu sebagai keberkatan sempena Ramadan.

Ibu kepada tiga anak yang menetap di Kuala Kurau, Kerian itu berkata pendapatan sebagai pekerja sawah hanya membolehkan



Ahmad Faizal menyampaikan replika kunci rumah kepada salah seorang penerima di Masjid Al Mukmin Kampung Batu 3 kelmarin.

kan dia dan suami menyewa rumah sahaja.

"Berkat Ramadan, kami sekeluarga terpilih menerima bantuan rumah ini. Syukur sangat-sangat," katanya.

Penyerahan replika kunci rumah projek Baiti Jannati disempurnakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu sempena majlis Ihya Ramadan 2019 anjur-

an TNB Perak di Masjid Al Mukmin Kampung Batu 3, Jalan Pahang kelmarin.

Sementara itu, Ketua Pegawai Retail TNB, **Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan** berkata, pembinaan kesemua rumah itu akan dimulakan dalam masa terdekat dan dijangka siap Julai depan.

Katanya, setiap rumah melibatkan kos RM50,000 dan TNB turut menyediakan kelengkapan asas dalam rumah bagi meringankan beban penerima.

"Setakat ini, 12 keluarga telah dikenalpasti, bagaimanapun TNB bersama Lembaga Zakat Perak akan terus mengenalpasti golongan lain yang memerlukan agar lebih banyak bantuan rumah dapat dibina di sini," katanya.